UMP, Muip perkenal wakaf atas talian kumpul dana bina Kolej Kediaman Mawaddah

KUANTAN- Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (Muip) memperkenalkan wakaf atas talian bagi mengumpul dana pembinaan bangunan Kolej Kediaman Mawaddah yang bakal menempatkan anak-anak yatim dan asnaf di universiti itu.

Bangunan asrama didirikan di atas tanah seluas 0.8 hektar di UMP Pekan dengan kos RM5 juta itu diwujudkan untuk memberi perkhidmatan perlindungan kepada mahasiswa dalam kalangan anak yatim atau asnaf.

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, usaha pembinaan kolej kediaman itu hasil inisiatif pihak pengurusan universiti dan permohonan wakaf diluluskan pihak Muip.

Menurutnya, Muip mengambil langkah proaktif bagi merealisasikan hasrat tersebut memandangkan terdapat mahasiswa yang mempunyai masalah kewangan serta kos sewaan rumah yang semakin meningkat menjadi beban untuk ditanggung pelajar.

"Pihak Muip juga bersetuju memasukkan projek pembinaan kolej kediaman ini dalam Sistem Dana Wakaf Pahang dan segala kutipan wakaf tunai yang diterima akan disalurkan sepenuhnya untuk pembangunan projek ini.

"Pihak UMP juga dibenarkan untuk membuat kutipan dana wakaf tunai dari orang ramai," katanya.

DAING NASIR

Daing Nasir berkata, pembinaan kolej kediaman itu dijadualkan bermula tahun ini dan dijangka siap pada 2018, sekali gus memberi manfaat kepada 220 mahasiswa dari golongan anak yatim dan asnaf.

Dalam pada itu, Daing berkata, program MyGift UMP iaitu saluran sumbangan endowmen universiti bagi tujuan tajaan pendidikan, penyediaan kemudahan prasarana kepada pelajar mahupun membudayakan semangat membantu golongan yang memerlukan turut dilaksanakan.

"Sebanyak 10 endowmen atau tabungan dilaksanakan iaitu Endowmen Kursi, Endowmen Biasiswa Pelajar, Endowmen Makmal/Kemudahan dan Endowmen Kecemerlangan selain Tabung Ramadan, Tabung Masjid, Tabung Bencana, Tabung Wakaf, Tabung Komuniti dan Tabung Prasarana.

"Baru-baru ini, Lembaga Pemegang Amanah MyGift bersetuju meluluskan Endowmen Biasiswa Pelajar sebanyak RM560,000 untuk mahasiswa baharu dari keluarga miskin dan mereka yang memiliki keputusan cemerlang untuk mengikuti pengajian di UMP bagi sesi akademik akan datang," katanya.

Menurutnya, melalui inisiatif MyGift, satu skim bantuan insentif pendidikan bernilai RM1,000 bagi setiap mahasiswa juga akan terus dilaksanakan untuk memberi manfaat kepada mahasiswa baharu yang menghadapi masalah kewangan pada sesi pendaftaran akan datang.

Katanya, bantuan akan disaring di peringkat Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni bagi membantu mahasiswa baharu yang mempunyai masalah kewangan yang mendesak menyediakan keperluan berkaitan sewaktu memulakan pengajian di sini.

"Manakala dalam meningkatkan fasiliti dalam kampus, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) turut menjadi penggerak dalam menjayakan inisiatif 'Mahasiswa Bina Masjid' sebagai menunjukkan keprihatinan mahasiswa mengumpul dana membantu usaha universiti ini membina sebuah masjid di dalam kampus UMP Pekan," katanya.

Orang ramai yang berhasrat untuk menyumbang melalui wakaf itu boleh menghulurkan sumbangan menerusi akaun Bank Islam, 06073010024679 atau Maybank, 556235309907 atas nama Bendahari Universiti Malaysia Pahang atau melalui pautan Portal Dana Wakaf Pahang melalui *ewakaf.muip.gov.my* atau melalui perbankan internet boleh terus ke laman sesawang *mygift.ump.edu.my*.

UMP bakal mendirikan Kolej Kediaman Mawaddah yang bakal menempatkan anak-anak yatim dan asnaf di universiti itu.